



Naik tarif air tampung permintaan hingga 2050, kata P Pinang

Predeep Nambiar -
January 14, 2019 6:31 PM



Ketua Menteri Chow Kon Yeow (duduk, 2 dari kanan) bersama para pegawai kerajaan negeri pada sidang media di Komtar semalam. (Gambar Buletin Mutiara)

GEORGE TOWN: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA) hari ini mewajarkan rancangan menaikkan tarif air, mengatakan wang itu akan menampung permintaan air sehingga 2050.

Ketua Menteri Chow Kon Yeow, yang juga pengerusi PBA berkata, syarikat merancang untuk melabur RM501 juta dalam projek-projek bekalan air mulai sekarang sehingga 2021.

Antara projek yang akan dilaksanakan adalah saliran berkembar dalam air ke-3 dari Seberang Perai ke pulau, skim pemindahan air dari Perak, dan naiktaraf loji rawatan air.

Kenyataan ini menyusuli pengumuman Chow baru-baru ini mengatakan kerajaan negeri pertimbangkan kenaikan kadar air antara 10% hingga 20% jika dibenarkan kerajaan persekutuan.

Pulau Pinang mengenakan harga air paling murah di negara ini iaitu pada purata RM5.55 sebulan.

Chow berkata wang itu akan digunakan untuk membina saliran paip baru dan menggantikan saliran paip lama bagi mengurangkan kebocoran. Langkah itu akan memastikan Pulau Pinang tidak perlu mencatu air, yang tidak pernah dicatu sejak 1999.

"PBA memohon semakan tarif air di Pulau Pinang untuk membiaya projek bekalan air untuk masa depan.

"Kalau kerajaan persekutuan meluluskan semakan tarif itu, hasilnya akan dilabur ke dalam projek-projek di Pulau Pinang untuk manfaat rakyat.

"PBA mahu memastikan permintaan masa depan dipenuhi dan mahu mengelakkan pencatuan," katanya pada sidang media di Komtar, yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif PBA Jaseni Maidinsa.

Statistik terbaru PBA menunjukkan purata permintaan air adalah 826 juta liter sehari (MLD) pada 2017.

Menjelang 2050, purata permintaan dijangka meningkat kepada 1,884 MLD atau 128% lebih tinggi.